

# Tunku Puteri Intan Safinaz rasmi Karnival Amal Hari Penyayang 2016

**ALOR SETAR 13 Mei** - Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berangkat merasmikan Karnival Amal Hari Penyayang 2016 di pekarangan Stadium Darul Aman di sini.

Tunku Puteri Intan Safinaz yang juga merupakan Pengurus Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) mengambil kesempatan untuk melawat gerai-gerai pameran se-

lepas majlis perasmian karnival tahunan tersebut yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Sulit Sultan Kedah, Datuk Syed Unan Mashri Syed Abdullah.

Karnival dua hari itu untuk mengutip dana bagi melaksanakan projek-projek kebajikan dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Antara acara menarik sepanjang karnival ialah larian bendang Kedah, karnival *food truck*, kayu-

han penyayang, kempen derma, pemeriksaan mata, lelongan amal,

pameran kerjaya, kafe penyayang, persembahan artis, pertandingan memancing dan peraduan mewarna.

Tunku Puteri Intan Safinaz dalam perutusan sempena karnival itu berkata, YSB berhasrat menyalurkan dana dalam bidang

kesihatan bagi membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat pada tahun ini.

Kata beliau, sebanyak dua pusat dialisis dibuka oleh YSB di negeri ini iaitu Pusat Hemodialisis Tunku Sarina di Sungai Korok di sini dan Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF)-YSB di Kulim.

"YSB juga menyediakan sebuah bas Unit Menderma Darah Bergerak, Hospital Sultanah Bahiyah dan sebuah lagi bas Mobile Health Screening dengan kerjasama NKF," katanya.